

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
(LIBARAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 22.10.2015**

**Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini akaun semasa negara, tahap pengangguran, kadar tabungan dan tahap hutang luar negara yang menggambarkan pada dasarnya ekonomi Malaysia kekal baik dan tidak menjurus ke arah krisis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, meskipun Malaysia berhadapan

dengan persekitaran luar yang mencabar, harga komoditi yang lebih rendah, penyusutan nilai ringgi serta pertumbuhan kalangan ekonomi membangun yang lebih perlahan, namun negara terus mencatat lebihan akaun semasa. Dalam tempoh separuh pertama tahun 2015, akaun semasa dalamimbangan pembayaran (BOP) kekal mencatat lebihan RM17.6 bilion atau 3.2% daripada pendapatan negara kasar (PNK) berbanding RM34.5 bilion atau 6.6% daripada PNK dalam tempoh yang sama tahun lalu. Keadaan ini berikutan prestasi eksport yang perlahan, pendapatan pelancongan yang lebih rendah serta pelaburan di luar negeri yang berterusan. Walau bagaimanapun, penunjuk ekonomi utama terkini menunjukkan prestasi yang semakin baik. Eksport kasar yang mengalami pertumbuhan negatif 3.1% dalam tempoh separuh pertama 2015 telah mula menunjukkan peningkatan pada bulan Julai hingga Ogos 2015 sebanyak 3.8% (Julai - Ogos 2014: 1.2%) disokong oleh peningkatan eksport barang pembuatan dan pertanian.

1. Kerajaan sentiasa berusaha memastikan kedudukan ekonomi terus berdaya tahan dan eksport kembali cergas yang turut menghasilkan lebihan akaun semasa yang berterusan. Antara inisiatif Kerajaan

termasuk pelaksanaan cadangan daripada Majlis Eksport Negara (NEC) disegerakan dan inisiatif Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) untuk menggesa syarikat tempatan bagi mengkaji semula pelan pelaburan dan pembelian aset di luar negeri agar melabur semula pendapatan dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berkenaan dengan keadaan pasaran buruh, negara terus mengalami guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran 3.1% dalam tempoh separuh pertama 2015 berbanding 3% dalam tempoh yang sama tahun 2014. Pada tahun 2015, negara dijangka terus berada dalam keadaan guna tenaga penuh, disokong oleh prospek pekerjaan yang stabil dan pertumbuhan upah yang menggalakkan.
  
1. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, mengenai Tabungan Negara Kasar, kedudukannya kekal stabil pada RM166.5 bilion atau merangkumi 30.4% daripada PNK dalam tempoh separuh pertama tahun 2015 berbanding RM175.5 bilion atau 33.5% daripada PNK dalam

tempoh yang sama tahun 2014. Paras tabungan yang tinggi adalah sejajar dengan kedudukan kecairan yang mencukupi dan mampu membiayai aktiviti ekonomi domestik.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berkaitan dengan hutang luar Malaysia, lazimnya ia merujuk kepada hutang yang ditanggung oleh negara dan merangkumi komponen seperti berikut:

- I. Pinjaman luar pesisir oleh Kerajaan Persekutuan, syarikat awam bukan kewangan (SABK) dan sektor swasta;
- II. Pegangan kertas hutang didalam negara oleh bukan pemastautin (*foreign holding*)
- III. Deposit oleh bukan pemastautin; dan
- IV. Lain-lain hutang dan liabiliti termasuk kredit perdagangan dan peruntukan Special Drawing Rights (SDR) IMF.

1. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, sehingga Jun 2015, hutang luar

Malaysia berjumlah RM794.3 bilion atau 68.4% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah tersebut, hutang luar pesisir Kerajaan Persekutuan adalah kecil pada RM18.8 bilion atau 2.4%. Sebagai peratusan daripada KDNK pula, hutang luar pesisir Kerajaan Persekutuan hanya 1.6%. Paras hutang luar Malaysia adalah terkawal, disebabkan oleh sebahagian besar daripada hutang luar Malaysia ini adalah pinjaman oleh sektor swasta dan SABK untuk dilaburkan di dalam sektor yang produktif secara cekap dan efisyen. Pelaburan ini berupaya memberi pulangan yang tinggi dan meningkatkan keupayaan bayaran balik pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan fakta dan maklumat terkini di atas, ekonomi Malaysia kekal stabil dan tidak menjurus kepada krisis. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, ekonomi Malaysia terdedah kepada pelbagai risiko di peringkat global. Walau bagaimanapun, perubahan struktur yang dilaksanakan sejak beberapa tahun bagi mempelbagaikan ekonomi dan

memperkuat sistem kewangan telah meletakkan ekonomi negara pada landasan pertumbuhan stabil serta meningkatkan daya tahan untuk menghadapi cabaran luar. Ini dapat digambarkan melalui asas makroekonomi yang kukuh seperti kadar pengangguran yang rendah, tabungan negara yang tinggi dan hutang Kerajaan yang terkawal serta rizab antarabangsa yang mencukupi. Kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan ekonomi semasa dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan keadaan ekonomi kekal kukuh.